

27 MAY 2000

Mahathir-Ladang

KERAJAAN SETUJU PADA DASARNYA LAKSANA GAJI BULANAN PEKERJA LADANG

KUALA LUMPUR, 27 Mei (Bernama) -- Kerajaan pada dasarnya telah bersetuju dengan pelaksanaan gaji bulanan untuk pekerja-pekerja ladang, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya apa yang perlu ditentukan sekarang ialah kadar gaji bulanan yang akan diberi kepada kira-kira 300,000 pekerja ladang di seluruh negara.

"Yang menjadi masalah sekarang ialah kadarnya. Perlulah secara purata," katanya pada persidangan media selepas merasmikan perhimpunan agung ke-54 MIC di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata mengikut gaji harian sekarang, para pekerja kadang-kadang menerima pendapatan yang tinggi dan ada kalanya rendah.

"Kadang-kadang bila hujan tiada kerja langsung dan pendapatan tak tentu," katanya.

Jika dibayar gaji bulanan, pekerja akan menerima gaji tetap sepanjang tahun tidak kira hujan atau tidak.

Dr Mahathir berkata harus diingat bahawa Malaysia masih bersaing dengan negara-negara lain dan perlu sentiasa berdaya saing.

"Kalau gaji bulanan terlalu tinggi, kita akan jadi tidak kompetitif. Oleh itu perlu ada puratanya supaya kita kekal berdaya saing," katanya.

Isu gaji bulanan pekerja ladang yang telah diperjuangkan sejak 30 tahun dibawa kepada jemaah Menteri kira-kira dua bulan lepas oleh Menteri Kerja Raya dan Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu.

-- BERNAMA

AR RON